A

PP

lwn.

AMASIFUEN TELLO REYES

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMAN ABDULLAH PK
[NO KES: 45-4-08]
28 APRIL 2009

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 37(da) - Anggapan mengedar 714 gram kokain - Dadah dibawa dalam perut tertuduh - Pemilikan dadah terbukti - Jumlah dadah yang besar tidak boleh dikatakan untuk kegunaan sendiri - Anggapan pengedaran*

D ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 714 gram kokain - Bukti - Dadah dibawa di dalam perut tertuduh - Sama ada bukti bahawa dadah berada dalam jagaan atau kawalan fizikal tertuduh - Sama ada pemilikan dadah terbukti - Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dibawanya - Pembelaan tidak menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan - Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie*

E

F ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 21(6) & 39B(1)(a) - Sama ada tertuduh membawa dadah dalam transit - Tertuduh mempunyai tiket dan boarding pass untuk menyambung penerbangan ke Singapura - Tertuduh menaiki teksi hingga ke pusat bandaraya Kuala Lumpur - Sama ada tertuduh masih dalam transit*

G

Pada awal pagi 15 Mei 2007 Chief Inspektor Mohd Husni (SP1) telah menerima maklumat bahawa seorang warganegara Peru bernama Amasifuen Tello Reyes dipercayai pengedar dadah akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA pada jam 5.40 pagi
H hari yang sama dengan penerbangan nombor MH0202 dari Buenos Aires. Lanjutan dari itu, SP1 dan anggota pasukannya telah membuat pemerhatian di KLIA. Setelah penerbangan MH0202 dari Buenos Aires mendarat, tertuduh telah keluar dari pemeriksaan Imigresen dan menuju ke kaunter teksi lalu keluar dari bangunan
I dan mendapatkan teksi. Tertuduh dilihat menaiki teksi dan menuju ke pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan telah diekori oleh SP1 dan pasukannya. Sesampai di Jalan Sultan Kuala Lumpur teksi tersebut

telah berhenti dan tertuduh telah keluar dan terus ditangkap oleh SP1 dan anggota pasukannya. Hasil pemeriksaan x-ray telah menunjukkan ketulan-ketulan di dalam perut tertuduh yang didapati mengandungi 714 gram kokain. Tertuduh kemudiannya telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952") atas tuduhan mengedar dadah berbahaya. Pembelaan tertuduh adalah bahawa dia adalah hanya penumpang transit yang hendak meneruskan perjalanan ke Singapura. Tertuduh meletakkan kesalahan kepada pemandu teksi yang telah membawanya hingga ke Bandaraya Kuala Lumpur walhal menurut tertuduh, dia hanya bertujuan pusing-pusing berdekatan KLIA Sepang. Semasa tertuduh ditangkap, dijumpai satu tiket penerbangan dan pas masuk 'boarding pass' untuk penerbangan dari Kuala Lumpur ke Singapura bertarikh hari yang sama, waktu penerbangan 8.05 pagi. Maka, isu utama yang dibangkitnya oleh pembelaan adalah bahawa tertuduh tidak boleh dituduh mengedar dadah di bawah s. 39B ADB 1952, tetapi hanya di bawah s. 21(6) ADB 1952 atas kesalahan membawa dadah secara transit ke Malaysia.

Diputuskan, tertuduh disabitkan dan dihukum gantung sampai mati:

(1) Pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan fizikal sebenar dadah tersebut di dalam perutnya, dan bahawa pada masa yang bekaitan tertuduh mempunyai pengetahuan tentang apa yang dijumpai dalam milikannya itu. Oleh sebab pemilikan sebenar telah dibuktikan dan jumlah dadah yang begitu besar dan tidak boleh dikatakan sebagai kegunaan sendiri maka anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta berbangkit. (perenggan 22)

(2) Pembelaan tertuduh tersebut tidak menimbulkan sebarang keraguan di dalam kes pihak pendakwaan dan gagal mematahkan anggapan mengedar dadah di bawah s. 37(da) ADB 1952. Isu tertuduh dikatakan sebagai penumpang transit atas alasan mempunyai tiket dan boarding pass untuk menyambung penerbangan ke Singapura tidaklah boleh secara bulat-bulat diterima. Tertuduh bukanlah penumpang transit. Adalah tidak masuk akal untuk seseorang tertuduh menaiki teksi dan sampai ke pusat bandaraya masih dianggap penumpang transit. (perenggan 40, 41 & 47)

(3) Peruntukan s. 21(6) mesti dilihat pada kedudukan mana tertuduh itu berada dilapangan terbang. Adakah telah melepasi pemeriksaan Imigresen atau belum. Sebaik sahaja tertuduh menyerahkan pasportnya di kaunter Imigresen Malaysia di KLIA maka tertuduh berhajat untuk memasuki Malaysia dan tidak lagi sebagai penumpang transit. Samada hendak pusing-pusing dengan teksi berdekatan atau tidak ianya bukan lagi memberi status penumpang transit. (perenggan 48)

Kes-kes yang dirujuk:

Adekunle Johnson Oshodi v. PP and Other Appeals [1998] 1 CLJ 515 CA ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP [1981] 1 MLJ 64 ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jagtar Singh & Ors [1996] 2 CLJ 709 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon [1998] 4 MLJ 183 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Parlan Dadeh [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
R v. Asfaw [2008] All ER (D) 274 ***(dirujuk)***
R v. Uxbridge Magistrates' Court, ex parte Adimi [2001] QB 667 ***(dirujuk)***
Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP [2005] 4 CLJ 581 CA ***(dirujuk)***
Toh Su Kuan v. PP [2005] 3 CLJ 740 CA ***(dirujuk)***
Tunde Apatira & Ors v. PP [2001] 1 CLJ 381 FC ***(dirujuk)***
Zulfikar Mustaffah v. PP [2001] 1 SLR 633 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Convention Relating to the Status of Refugees 1951, art. 31
Criminal Procedure Code, s. 180
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 21(6), 26(1), 37(da), 39B(1)(a)
Immigration Act 1959/63 (Revised 1974), ss. 2, 6(3)
Criminal Attempts Act 1981 [UK], s. 1(1)
Immigration and Asylum Act 1999 [UK], s. 31

Bagi pihak tertuduh - Tharamjit Singh (Tania Sandhu bersamanya)
Bagi pihak PP - Ahmad Fuad Othman TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Azman Abdullah PK:

Latarbelakang Kes

[1] Tertuduh di dalam kes ini dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 Pertuduhan Pindaan (P2) seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 15 Mei 2007, lebih kurang jam 7.30 pagi di tepi Jalan Sultan, dalam daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 714 gram kokain. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Mahkamah telah mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkannya diakhir perbicaraan dan telah menjatuhkan hukuman mati keatas tertuduh.

Fakta Kes Pendakwaan

[3] Fakta kes adalah seperti berikut, pada awal pagi 15 Mei 2007 Chief Inspektor Mohd Husni bin Manaf (SP1) dari Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Daerah Polis Selangor telah menerima maklumat bahawa seorang warganegara Peru bernama Amasifuen Tello Reyes dipercayai pengedar dadah akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA pada jam 5.40 pagi hari yang sama dengan penerbangan nombor MH0202 dari Buenos Aires.

[4] SP1 telah memberi taklimat kepada anggota pasukannya dan telah membahagikan mereka kepada tiga pasukan. Pada jam 4 pagi mereka bertolak ke KLIA dengan tiga buah kereta persendirian. Sesampai di KLIA, Pasukan 1 yang diketuai oleh SP1 membuat pemerhatian di Bahagian Kemasukan Penumpang Antarabangsa di Pemeriksaan Imigresen di Aras 3 KLIA. Manakala dua pasukan lagi berada di aras yang sama membuat pemerhatian.

[5] Setelah penerbangan MH0202 dari Buenos Aires mendarat, dengan kerjasama pegawai immigresen di situ, SP1 telah dapat mengenal pasti tertuduh. SP1 dan pasukannya telah melihat tertuduh keluar dari pemeriksaan Imigresen dan menuju ke kaunter teksi lalu keluar dari bangunan dan mendapatkan teksi. Tertuduh dilihat menaiki teksi dan menuju ke pusat Bandaraya Kuala Lumpur dengan diekori oleh SP1 dan pasukannya.

[6] Sepanjang perjalanan teksi yang dinaiki oleh tertuduh dapat dilihat dan sehinggalah ke Jalan Sultan Kuala Lumpur teksi tersebut telah berhenti dan tertuduh telah keluar dari teksi tersebut dan terus di tangkap oleh SP1 dan anggota pasukannya.

[7] Tertuduh semasa ditangkap memakai jaket biru, beg pinggang dan beg galas tetapi tidak dijumpai sebarang dadah atau barang salah. Lalu SP1 membawa tertuduh ke Balai Polis Tun H.S.Lee. Antara barang peribadi atas nama tertuduh ialah Pasport (P6), tiket kapal terbang (P7) dan boarding pass (P8).

[8] Dari Balai Polis Tun H.S.Lee, tertuduh telah dibawa oleh SP1 untuk di x-ray di Hospital Kuala Lumpur. Hasil pemeriksaan x-ray didapati terdapat bahan berbentuk ketulan-ketulan di dalam perut tertuduh. Tertuduh telah ditahan di Wad Pembedahan 11, di Tingkat 3, sementara menunggu ketulan di dalam perut tertuduh keluar semuanya semasa membuang air besar.

[9] Anggota-anggota polis yang bergilir-gilir berkawal 24 jam dari 15 Mei 2007 hingga 19 Mei 2007 melihat tertuduh buang air besar di dalam bekas dan mengutip dan menyerahkan kepada (SP1) pengadu sejumlah 114 biji ketulan dalam tempuh tahanan wad tersebut.

[10] Semasa dalam tahanan wad, setiap kali tertuduh selesai buang air besar dan keluarkan ketulan-ketulan, tertuduh akan dibawa menjalani x-ray dan akan terus ditahan jika didapati masih terdapat ketulan di dalam perutnya. Setelah kesemua 114 ketulan disahkan melalui x-ray tidak ada lagi di dalam perut tertuduh selepas tertuduh mengeluarkan 34 ketulan akhir pada 18 Mei 2007 jam 7.25 petang. Pada keesokannya 19 Mei 2007 tertuduh di hantar balik ke lockup Balai Polis Jalan Stadium untuk direman selanjutnya.

[11] Pegawai Penyiasat Inspektor Nasrul Mustafa (SP9) telah menerima 80 ketulan pertama dari SP1 pada 18 Mei 2007 dan pada 19 Mei 2007, sebanyak 34 ketulan akhir telah diserahkan, menjadikan 114 ketulan semuanya. SP9 meletakkan ketulan-ketulan tersebut di dalam dua kumpulan di dalam dua kotak berasingan dan kotak ditanda 'N1' berisi 80 ketulan manakala kotak ditanda 'N2' berisi 34 ketulan dan setiap kotak dimeterai dengan Federal of Malaya Police 24. SP9 telah menghantar kotak N1 dan N2 ke Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk di analisa oleh Ahli Kimia

Kerajaan pada 23 Mei 2007. Setiap ketulan telah ditandatangani oleh SP1 dan ditulis tarikh 18 Mei 2007 dan ditanda setiap satu A1 hingga A114 sebelum diserahkan kepada SP9.

[12] Ahli Kimia Malaysia, Puan Maimoonah binti Sulaiman (SP5) telah menganalisa kesemua 114 ketulan di dalam dua kotak bertanda 'N1' dan 'N2'. Ujian di jalankan dalam dua kumpulan berasingan mengikut Kotak N1 dan N2 untuk ketulan sebanyak 80 biji dan 34 biji tersebut dihomogenkan menjadi serbuk warna putih setelah di asingkan balutan plastik setiap ketulan.

[13] SP5 di dalam keterangannya telah menjalankan tiga ujian iaitu ujian warna (Scott Test), ujian pengesahan menggunakan alat gas Chromatography Mass Spectro Meter (GCMS) dan ujian ketiga ialah Ujian Kuantitatif mengunakan alat gas Chromatography Flame Ironization Detector (GCFID). Ketiga-tiga ujian ini mengesahkan 114 ketulan yang dihomogenkannya menjadi serbuk warna putih itu adalah mengandungi 714 gram kokain dan kokain adalah disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Mengikut SP5 lagi kaedah ujian yang digunakannya ini adalah diiktiraf oleh pakar forensic kimia sedunia, iaitu United Nations Office of Drugs and Crime (UNODC), American Society Crime Director (ASCLD) dan Lab Acreditation Board.

[14] Setelah selesai penganalisaan, SP5 telah memasukkan semula dua kumpulan baki serbuk homogen di dalam dua plastik Jabatan Kimia bersama-sama lapisan plastik ke dalam kotak asal dan dimeteraikan dengan label keselamatan Jabatan Kimia Malaysia. Pegawai penyiasat (SP9) telah mengambil semula dua kotak bertanda N1 dan N2 pada 3 Ogos 2007 dari SP5 dan SP9 telah menyerahkan kepada Penjaga Stor Eksibit IPD Dang Wangi (SP4) untuk disimpan selamat pada 8 September 2007. SP4 memberi keterangan bahawa seal meterai Jabatan Kimia Malaysia adalah lengkap pada hari beliau terima dari SP9 dan sehingga di bawa ke Mahkamah untuk perbicaraan. Ahli Kimia (SP5) juga mengesahkan keadaan seal keselamatan Jabatan Kimia Malaysia adalah sempurna seperti asal semasa melihat semula Kotak N1 dan N2 di mahkamah ini semasa memberi keterangan.

Isu-isu Dan Penghujahan Peguambela Di Akhir Kes Pendakwaan

[15] Pihak peguambela semasa soal balas dan berhujah tidak mempertikaikan jagaan atau kawalan fizikal dan pengetahuan tertuduh membawa dadah di dalam perutnya. Peguambela

mengemukakan pembelaan bahawa tertuduh adalah penumpang transit yang hendak meneruskan perjalanan ke Singapura bukannya mengedar dadah di Malaysia. Tertuduh meletakkan kesalahan kepada pemandu teksi yang telah membawanya hingga ke Bandaraya Kuala Lumpur perjalanan 45 minit walhal menurut peguam, tertuduh hanya bertujuan pusing-pusing berdekatan KLIA Sepang.

[16] Semasa pemeriksaan balas peguambela menanyakan soalan ini kepada saksi pendakwaan SP1:

> PB: Arahan saya, dia sebenarnya ke kaunter untuk dapat teksi limousin untuk pusing berdekatan KLIA.
>
> SP1: Tidak tahu.

[17] Semasa tertuduh ditangkap dijumpai satu tiket penerbangan (P7) dan pas masuk 'boarding pass' (P8) untuk penerbangan dari Kuala Lumpur ke Singapura bertarikh hari yang sama 15 Mei 2007 waktu penerbangan 8.05 pagi. Ini bermakna sebaik sahaja tertuduh sampai di KLIA dari Buenos Aires jam 5.40 pagi tertuduh perlu untuk masuk ke dalam pesawat (boarding time) pada jam 7.20 pagi mengikut apa yang tercatit di pas masuk (P8). Jadual penerbangan tertuduh ialah seperti berikut di P7:

> 13 MAY dari Buenos Aires ke Kuala Lumpur bertolak jam 2020 hrs.
>
> 15 MAY dari Kuala Lumpur ke Singapura bertolak jam 0805 hrs.
>
> 05 JUN dari Singapura ke Kuala Lumpur bertolak jam 2120 hrs.
>
> 06 JUN dari Kuala Lumpur ke Buenos Aieres bertolak jam 0105 hrs.

[18] Peguambela tertuduh menghujahkan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah di bawah s. 21(6) ADB, seksyen tersebut yang berbunyi:

> Any person who brings any dangerous drug into Malaysia in transit otherwise than in accordance with the provision of this section shall be guilty of an offence against this Act, and shall be liable on conviction to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

[19] Peguambela telah mengemukakan kes *PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon* [1998] 4 MLJ 183, sebagai nas pembelaan. Di dalam kes itu tertuduh ditangkap di dalam bangunan lapangan terbang dan belum lagi cop pasportnya di Kaunter Pemeriksaan Imigresen untuk memasuki Malaysia.

[20] Saksi pendakwaan SP1 pegawai serbuan mengakui tidak akan menangkap tertuduh jika tertuduh tidak keluar dari bangunan KLIA. Soal jawab dalam pemeriksaan balas:

PB : Bagaimana kalau dia tidak keluar daripada KLIA, adakah kamu akan tangkap dia?

SP1 : Tidak, arahan orang atasan.

PB : Sebab dia keluar KLIA, sebab itu tangkap dia?

SP1 : Setuju.

Mahkamah Memutuskan Pendakwaan Berjaya Mewujudkan Suatu Kes *Prima Facie* Atas Penilaian Maksima

[21] Meneliti keterangan yang di bawa oleh pihak pendakwaan, mahkamah memutuskan pihak pendakwaan berjaya mewujudkan kes *prima facie* atas penilaian maksima terhadap tertuduh dengan bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(da) Akta dan seperti yang diperuntukkan oleh s. 180 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) dan juga berlandaskan kes-kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717, *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dan *PP v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215.

[22] Antara intipati kesalahan yang mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertama; bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan fizikal sebenar dadah tersebut di dalam perutnya, dan kedua; pada masa yang bekaitan mempunyai pengetahuan tentang apa yang dijumpai dalam milikannya itu. Oleh sebab pemilikan sebenar telah dibuktikan, dan jumlah dadah yang begitu besar dan tidak boleh dikatakan sebagai kegunaan sendiri maka anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta adalah juga terletak pada bahu tertuduh untuk disangkalnya. (*PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337).

A **Isu Utama: Jagaan Atau Kawalan dan Pengetahuan Dadah Di Dalam Perut**

[23] Mahkamah memutuskan terdapat keterangan yang cukup untuk membuktikan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan
B fizikal sebenar dan pengetahuan akan apa yang dimiliki itu ialah 114 ketulan-ketulan dadah kokain.

[24] Keterangan oleh pengadu (SP1) dan anggota-anggota polis SP6, SP7 dan SP8 yang membuat kawalan ke atas tertuduh semasa berada di Wad Perbedahan di Hospital Kuala Lumpur dari
C 15 hingga 19 Mei 2007 adalah secara keterangan langsung. Saksi-saksi pendakwaan melihat sendiri tertuduh mengeluarkan ketulan-ketulan berisi dadah semasa buang air besar dan mengumpul dan mengiranya.

D **[25]** Pengetahuan ketulan-ketulan yang berada di dalam perut tertuduh adalah kokain dapat dibuktikan melalui keterangan mengikut keadaan bagi menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan. Di dalam kes *PP v. Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401, Hakim Augustine Paul
E telah membuat pemerhatian seperti berikut:

> ... As I have said in *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705 in reliance on cases such as *Chan Pean Leon v. PP* [1956] MLJ 237, *PP v. Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585 and *PP v. Phua*
> F *Keng Tong* [1986] 2 MLJ 279 proof of knowledge is very often a matter of inference. I consider it necessary to repeat what Thean J (as he then was) said in *PP v. Phua Keng Tong* [1986] 2 MLJ 279 at p. 286.
>
> However, in this case, like in many others, proof of knowledge
> G or belief on the part of an accused is a matter of inference from facts. In the case of *RCA Corp v. Custom Cleared Sales Pty Ltd* [1978] FSR 576; 19 ALR 123, the Court of Appeal in New South Wales in dealing with the question of knowledge of infringement of copyright said at p. 478.
>
> H Except where a party's own statements or gestures area relied upon, proof of knowledge is always a matter of inference, and the material from which the inference of the existence of actual knowledge can be inferred varies infinitely from case to case.
>
> It seems to us that the principle is more accurately put by saying
> I that a court is entitled to infer knowledge on the part of a particular person on the assumption that such a person has the ordinary understanding expected of persons in his line of business,

unless by his or other evidence it is convinced otherwise. In other words, the true position is that the court is not concerned with the knowledge of a reasonable man but is concerned with reasonable inferences to be drawn from a concrete situation as disclosed in the evidence as it affects the particular person whose knowledge is in issue. In inferring knowledge, a court is entitled to approach the matter in two stages; where opportunities for knowledge on the part of the particular person are proved and there is nothing to indicate that there are proved and there is nothing to indicate that there are obstacles to the particular person acquiring the relevant knowledge, there is some evidence from which the court can conclude that such person has knowledge.

[26] Izinkan saya merujuk pada tiga kes sebelum ini yang mana dadah dijumpai di dalam perut tertuduh dan atas keterangan yang sama mahkamah telah mendapati tertuduh-tertuduh bersalah. Kes-kes tersebut ialah kes *Adekunle Johnson Oshodi v. PP and Other Appeals* [1998] 1 CLJ 515, *Tunde Apatira & Ors v. PP* [2001] 1 CLJ 381 dan *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597.

[27] Di dalam kes *Adekunle Johnson Oshodi v. PP*, di mana Hakim Mahkamah Rayuan (semasa itu) Abdul Malek Ahmad telah bersetuju dengan pendapat Hakim Mahkamah Tinggi akan keterangan pengetahuan dan jagaan atau kawalan fizikal keatas dadah tersebut sebagai berikut:

The learned trial judge was fully aware, and he stated so in his well reasoned judgment, that physical custody or control is by itself insufficient for there must be the accompanying evidence of knowledge of the custody or control of the dangerous drug, although it must be said that such knowledge need not amount to full and exact knowledge (see *Leow Nghee Lim v. Reg* [1956] MLJ 28). At the same time, knowledge without custody or control will also not be sufficient (see *PP v. Lai Ah Bee* [1974] 2 MLJ 74), while in *PP v. Badrulhisham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585, it was held that to establish possession by an accused person of any dangerous drug or to impute his possession of the said drugs, it must first be shown that he had knowledge of the drugs which were found to be in his possession. The learned trial judge had said:

> Based on the total evidence of the chemist, doctor, medical assistant, X-ray room operator and investigating officer, it was unmistakable that each accused had foreign bodies inside their abdomen. That the foreign bodies discharged were the foreign bodies seen on the X-rays, and were the 22, 44 and 50 'sausage-like packages'. The accused's

A bodies were the 'things containing' the dangerous drugs; while a living person is certainly not a 'thing containing' within the intention of s. 37(d) and for the presumption of knowledge to be invoked against the accused, yet there was more than ample direct evidence that each accused had the
B necessary knowledge of the presence of the foreign bodies in the respective abdomens. The foreign bodies were discharged through the anus, much as waste would from the digestive system. For the foreign bodies to have gone into the digestive system, the accused must have ingested it by way of the mouth. Indeed, counsel for the second
C accused, proposed, while examining SP11, the likelihood that the foreign bodies were 'consumed' outside Malaysia. The taking of food or other things through the mouth is a voluntary and conscious act, and in the present case, the foreign bodies in the abdomen of the accused could not have been accidental. The number of foreign bodies in the
D abdomen of each accused was just too many and the physical size of the foreign bodies just too large for any of them not to have known what they were taking or had taken. The latter was said in the light of the absence of any suggestion or evidence that the foreign bodies were
E surgically planted against the will or without the knowledge of the accused. The almost identical purity of heroin in the white powdery substance, the similar appearance and make-up of the foreign bodies, and the absence of stool in any of the accused's discharge suggestive of their collective abstinence or disdain for food, were all positive indicators
F of their common design and planning. *Acta exteriora indicant interiora secreta*, and without a doubt whatsoever exposed that guilty knowledge.

The accused, with the pellets of drugs in their digestive system,
G were converted into intelligent thinking and ambulatory containers of dangerous drugs, with each having the exclusive custody and control of the drugs in their bodies, and if not waylaid were certainly in a position of taking it to the destination of their choice. With custody and control, and knowledge of custody and control, each accused was therefore in possession, as expounded
H in any judicial pronouncement on its meaning, of the amount of dangerous drugs as they were individually charged.

[28] Manakala di dalam kes *Tunde Apatira & Ors v. PP* Mahkamah Persekutuan telah merujuk juga kepada kes *Adekunle Johnson Oshodi v. PP* dan memutuskan atas pemilikan apabila dadah
I dijumpai di dalam perut sebagai berikut:

> There was no dispute concerning the facts of the case. Each appellant had swallowed packets containing the dangerous drugs. The totality of the evidence reasonably supported the conclusion that the appellants were in actual possession of the drugs at the time of their initial detention. Therefore, even if the trial judge and the judges of the Court of Appeal had directed themselves in accordance with *Muhammed Hassan v. PP*, they would have arrived at an identical conclusion ... The facts of the case showed that the evidence against the appellants were overwhelming and the court applying s. 37(da) DDA in the manner required by *Muhhammed Hassan v. PP* would have nevertheless convicted the appellants on the available evidence.

[29] Manakala Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Emmanuel Yaw Teiku v. PP (supra)* memutuskan keengganan tertuduh menjalani pemeriksaan x-ray untuk melihat di dalam perutnya menunjukkan bahawa tertuduh mengetahui dadah sebenarnya yang dibawa.

[30] Walaupun di dalam kes hari ini tidak terdapat keterangan melalui kelakuan tertuduh meronta atau cuba melarikan diri semasa di tangkap atau enggan di buat pemeriksaan x-ray tetapi fakta sebenarnya jumlah 114 ketulan dalam bentuk mini sosaj itu adalah perlu ditelan oleh tertuduh dalam keadaan sedar dan mengapa perlu disorok sehingga boleh mengadai nyawa. Secara inferen tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan mengikut keadaan (requisite knowledge).

[31] Melarikan diri adalah hanya salah satu daripada keadaannya. Ini diputuskan di dalam kes *Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP* [2005] 4 CLJ 581, hakim telah membuat pengamatan berikut:

> Thus, in drawing inferences from proved facts, the court is entitled to infer knowledge on the part of a person on the assumption that such a person has the odinary understanding expected of him. The court is not concerned with the knowledge be drawn from a situation. There are many circumstances from which knowledge can be inferred. One instance is the inference to be drawn from the act of a person in absconding or fleeing from the scene of a crime.

[32] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Parlan Dadeh* [2009] 1 CLJ 717, telah menyentuh dua keputusan berbeza antara Mahkamah Tinggi Kota Bharu dan Mahkamah Rayuan Malaysia di dalam kes *Toh Su Kuan v. PP* [2005] 3 CLJ 740 yang mana Mahkamah Persekutuan telah bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi ini. Fakta di dalam kes *Toh Su Kuan* adalah

dadah dijumpai terikat pada tubuh dan di dalam tapak kasut tertuduh dan tertuduh meronta semasa ditangkap. Hakim Mahkamah Tinggi (semasa itu) YA Dato Arifin Zakaria telah menyentuh tentang pembuktian pengetahuan tertuduh seperti berikut:

> Di dalam kes ini, begitu juga dengan banyak kes-kes yang serupa, tidak ada keterangan secara langsung (direct evidence) yang tertuduh tahu bahawa benda yang dibawanya itu adalah dadah heroin. Oleh itu pihak pendakwaan terpaksa bergantung semata-mata kepada keterangan mengikut keadaan bagi menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan.

[33] Malah Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa fakta bahawa dadah dijumpai berbungkus dengan suratkhabar bukanlah alasan untuk mengatakan bahawa suatu inferens tidak boleh dibuat terhadap responden bahawa dia mempunyai pengetahuan yang diperlukan, iaitu di dalam kes *PP v. Abdul Rahman bin Akif* [2007] 4 CLJ 337, dengan merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan Singapura, *Zulfikar bin Mustaffah v. PP* [2001] 1 SLR 633:

> ... that fact that the drug was found wrapped in newspaper is no ground for saying that an inference could not be drawn against the respondent that he had the requisite knowledge.

Isu Kedua: Rantaian Barang Kes Dan Identitinya

[34] Terdapat juga pertikaian yang dibuat di dalam soalan balas dan hujahan ke atas rantaian barang kes dadah iaitu 114 ketulan kokain atas isu-isu berikut:

i. Kenapa tandaan kepada kesemua balutan luar 114 ketulan ialah pada 18 Mei 2007 walhal dadah tersebut diperolehi dalam tiga tarikh berbeza dan diserahkan kepada pegawai penyiasat pada dua tarikh iaitu 18 dan 19 Mei 2007;

ii. Terdapat kesan tali dan keterangan penjaga stor barang kes bahawa kemungkinan boleh diceroboh; dan

iii. Isu ini tidak dibangkitkan oleh peguambela tetapi mahkamah mendapati barang kes disimpan agak lama sebelum diserah simpan oleh pegawai penyiasat tanpa diberi penjelasan.

[35] Mahkamah telah meneliti keterangan pengadu SP1 dan anggota-anggota polis yang mengutip barang kes tersebut dan keterangan Ahli Kimia (SP5) yang telah mengesahkan identiti 114 ketulan adalah bersamaan dengan gambar dan tandaan yang ada.

Oleh itu apa jua cubaan untuk mencabar identiti 114 ketulan kokain ini adalah gagal melainkan terdapat keterangan yang sebaliknya yang boleh menimbulkan keraguan.

[36] Merujuk pada kes Mahkamah Rayuan, *Gunalan Ramachandran v. PP* [2004] 4 CLJ 551 oleh Hakim Abdul Hamid (semasa itu):

> ... but so long as there is no doubt that the drug analysed by the chemist was the same one that was recovered in the case and it is in respect of that drug that the accused is charged, and there is reasonable explaination as to how it was lost or destroyed or the reason for a gap, there is no reason why the prosecution's case should fail.

[37] Secara penilaian maksima dengan pembuktian-pembuktian oleh pendakwaan di atas, mahkamah memutuskan pendakwaan berjaya mewujudkan satu kes *prima facie* sepertimana diperuntukkan di bawah s. 180 Kanun Acara Jenayah dengan mana anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) adalah terpakai dan tertuduh dipanggil untuk membela diri seperti mana pertuduhan. Saya telah menanya diri saya dan saya bersedia untuk mendapati tertuduh bersalah jika tertuduh nemilih untuk berdiam diri semasa pembelaan nanti.

Pembelaan Tertuduh

[38] Secara keseluruhannya, hanya satu isu utama yang dibangkitnya oleh tertuduh; iaitu beliau tidak boleh dituduh mengedar dadah di bawah s. 39B Akta, tetapi hanya di bawah s. 21(6) Akta, atas kesalahan membawa dadah secara transit ke Malaysia.

[39] Semasa pemeriksaan balas di dalam kes pendakwaan dan semasa tertuduh membela diri, pembelaan berikut boleh dirumuskan:

i. Tertuduh dari Peru ke Argentina mengakui menelan ketulan-ketulan tersebut di sebuah hotel di Argentina atas arahan dua lelaki yang juga menyediakan pasport kepadanya.

ii. Tertuduh hanyalah penumpang transit bukannya berhajat untuk berada di Malaysia tetapi dalam perjalanan ke Singapura dan singgah sahaja di KLIA.

A iii. Tertuduh keluar dari bangunan KLIA hanya untuk pusing berdekatan KLIA sahaja tetapi semasa membuat pembelaan tertuduh menyatakan yang beliau menaiki teksi untuk melihat Menara KLCC.

B iv. Tertuduh dikatakan ditipu oleh pemandu teksi akan harga tambang teksi, takut dirompak oleh pemandu teksi.

v. Tertuduh tidak mengetahui Menara KLCC adalah begitu jauh.

vi. Peguambela juga mencadangkan dadah tersebut tidak mungkin
C dapat dikeluarkan dalam masa beberapa jam sementara menunggu sambungan penerbangan ke Singapura. Oleh kerana pihak polis sendiri memakan masa tiga hari menunggu dadah itu keluar oleh itu ianya bukan untuk diedarkan di Malaysia.

D **Pendapat Mahkamah Atas Pembelaan Yang Dibangkitkan**

[40] Mahkamah memutuskan bahawa pembelaan tertuduh tersebut tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan di dalam kes pihak pendakwaan dan gagal untuk mematahkan anggapan
E mengedar dadah di bawah s. 37(da) Akta.

[41] Isu tertuduh dikatakan sebagai penumpang transit atas alasan mempunyai tiket dan boarding pass untuk menyambung penerbangan ke Singapura tidaklah boleh secara bulat-bulat diterima. Tertuduh untuk menggunakan pembelaan penumpang
F transit hendaklah mematuhi beberapa keadaan yang digariskan mengikut undang-undang.

[42] Mahkamah memutuskan tertuduh bukanlah penumpang transit atas alasan-alasan berikut:

G i. Masa yang singkat antara ketibaan di KLIA dan masa untuk berlepas ke Singapura adalah tidak lojik untuk seseorang mengambil teksi dengan tambang RM150 lebih tidak syak perjalanan adalah jauh, atau tidak bertanya berapa lama
H perjalanan hanya agak KLCC itu dekat. Lebih menjadi tidak lojik lagi untuk tertuduh yang menelan 114 ketulan dengan misi yang bahaya dan kritikal boleh memilih untuk makan angin.

ii. Tertuduh sepatutnya turun daripada teksi setelah perjalanan berpanjangan lebih dari 30 minit jika benar beliau tidak
I mengetahui jarak KLCC. Setiap orang yang waras akan mengetahui masa untuk balik semula ke KLIA akan lebih lama apabila kenderaan lebih banyak di waktu siang nanti. Adakah

lojik untuk tertuduh berdalih dengan tambahan bayaran teksi RM200 dan sanggup turun dari teksi untuk mendapatkan teksi yang lebih murah tambangnya.

iii. Tertuduh juga melahirkan rasa takut dengan pemandu teksi yang sentiasa melihat kepada beliau melalui cermin belakang atas alasan di negaranya pemandu teksi sering merompak penumpang. Jika begitu alasannya kenapa perlu tertuduh bersiar-siar waktu subuh begitu.

iv. Mahkamah tidak dapat menerima cerita tertuduh sebagai benar dan tidak masuk akal untuk seseorang mempunyai misi yang penting diupah dengan tambang tiket mahal dari Argentina semata-mata untuk membawa dadah tetapi gagal melaksanakan misinya atas alasan yang remeh iaitu untuk melihat KLCC dan berkira dengan tambang teksi.

v. Mengapa pula perlu tertuduh menukar duit Ringgit Malaysia sebanyak RM1,030 jika hanya untuk tambang melihat bangunan KLCC yang kononnya tertuduh katakan berdekatan sahaja. Lebih tidak masuk akal apabila berkira bila tambang teksi dinaikan sedikit dibandingkan dengan wang yang ada dan misi yang amat penting.

vi. Peguambela semasa soal balas SP1 telah mencadangkan bahawa tertuduh mengambil teksi untuk pusing berdekatan KLIA tetapi semasa pembelaan telah menukar cerita menaiki teksi untuk melihat Menara Berkembar KLCC pula ini pun boleh dikatakan baru terlintas difikiran 'after thought'.

[43] Tertuduh tidak langsung menafikan 114 ketulan yang ditelannya itu bukan dadah. Pembelaan tertuduh hanya semata-mata hendak ke Singapura dan hanya penumpang transit di Malaysia. Ini adalah berbeza dengan empat kes di atas yang dirujuk tadi iaitu *Adekunle Johnston Oshodi v. PP and Anor App.*, *Tunde Apatira & Anor v. PP, Emmanuel Yaw Teiku v. PP dan Toh Su Kuan v. PP* sekurang-kurangnya tertuduh cuba menafikan pengetahuan yang di bawa itu dadah semasa pembelaan, mereka ingatkan emas yang ditelan atau pil tidur yang diikatkan pada tubuhnya.

A **Isu Undang-Undang**

[44] Hujahan atas nas undang-undang yang diutarakan oleh peguambela semasa akhir kes pendakwaan dan pembelaan adalah hampir sama. Di hujahkan bahawa kesalahan tertuduh adalah
B hanya terjatuh di bawah s. 21(6) ADB 1952 yang berbunyi:

> s. 21(6) Any person who brings any dangerous drug into Malaysia in transit otherwise than in accordance with the provision of this section shall be guilty of an offence against this Act, and shall be liable on conviction to a fine not exceeding twenty
C thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

[45] Manakala mengikut definasi "in transit" di bawah s. 2 Akta adalah seperti berikut:

D
> means taken or sent from any country and brought into Malaysia by land, air or water (whether or not landed or transshipped in Malaysia) for the sole purpose of being carried to another country either by the same or another conveyance.

E **[46]** Peguambela telah merujuk satu kes tempatan di Malaysia yang telah menggunapakai kesalahan di bawah s. 21(6) di bawah Akta, iaitu kes *PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon* [1998] 4 MLJ 183. Kes tersebut ternyata faktanya adalah berbeza, tertuduh juga adalah warganegara Peru yang menaiki kapalterbang dari Buenos
F Aires ke Bali *via* Kuala Lumpur. Setiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang tertuduh sebaik sahaja melalui laluan wajib melepasi pengimbas keselamatan telah ditangkap. Malah pasport tertuduh tidak dicop masukki Malaysia oleh Imigresen tetapi dicop "Bukan datang ke Malaysia". Hanya selepas
G ditangkap setelah dijumpai dadah tersorok pada seluarnya barulah pass khas di keluarkan untuk membolehkan tertuduh meninggalkan kawasan transit dan di bawa ke Balai Polis Damansara Utama untuk di tahan.

[47] Di dalam kes kita pada hari ini tertuduh jika tidak melepasi
H kaunter Imigresen dan cop pasport masuk ke Malaysia bolehlah dikategori sama dengan situasi kes di atas. Adalah tidak masuk akal untuk seseorang tertuduh menaiki teksi dan sampai ke pusat bandaraya masih dianggap penumpang transit. Kalau hujahan tertuduh ini diterima sebagai pembelaan sudah tentu seseorang
I akan membeli tiket lain kononnya ke Singapura dan boleh keluar membawa dadah sementara singgah di Kuala Lumpur dan menjual dadah jika tertangkap boleh gunakan s. 21(6) ini.

[48] Peruntukan s. 21(6) ini mesti dilihat pada kedudukan mana tertuduh itu berada dilapangan terbang. Adakah telah melepasi pemeriksaan Imigresen atau belum. Saya berpendapat sebaik sahaja tertuduh menyerahkan pasportnya di kaunter Imigresen Malaysia di KLIA maka tertuduh berhajat untuk memasuki Malaysia dan tidak lagi sebagai penumpang transit. Samada hendak pusing-pusing dengan teksi berdekatan atau tidak ianya bukan lagi memberi status penumpang transit. Di mana sahaja di lapangan terbang antarabangsa di seluruh dunia penumpang boleh berada di dalam kawasan transit selagi tidak mengemukakan passpot ke pihak Imigresen untuk di cop masuk secara sah ke dalam negara itu.

[49] Seksyen 2, Akta Imigresen 1959/63 (Disemak 1974); kemasukan ditakrifkan sebagai:

> "entry" means – (a) in the case of a person arriving by sea, disembarking in Malaysia from the vessel in which he arrives; (b) in the case of a person arriving by air at an authorized airport, leaving the precincts of the airport; (c) in the case of a person entering by land and proceeding to an immigration control post in accordance with section 26, leaving the precincts of the post for any purpose other than that of departing from Malaysia by an approved route; and (d) in any other case, any entry into Malaysia by land, sea or air: Provided that it shall not include in any case an entry made for the purpose of complying with this Act or an entry expressly or impliedly sanctioned by an immigration officer for the purpose of an enquiry or detention under this Act.

[50] Saya telah membuat selidikan untuk mencari takrifan penumpang transit dan menjumpai satu kes dari Mahkamah Hong Kong sebagai berikut:

> A transit passenger is a person who remains on what is known as the "air side" of the airport and does not seek to enter Hong Kong: when the Appellant presented the passport he was seeking to land as contemplated by the Immigration Ordinance Cap 115. (*HKSAR v. Sthapak, Rakes Kumar*, HCMA 1180/2004 on appeal from STCC 4779 OF 2004).

[51] Malah di dalam kes *PP v. Jagtar Singh & 3 Ors.* [1996] 2 CLJ 709, Hakim Mohd Hishamudin Mohd Yunus, telah memutuskan berada di kawasan zone bebas cukai tanpa permit yang sah walaupun tidak lagi melepasi kaunter pemeriksaan Immigresen Malaysia telah didapati bersalah memasuki Malaysia tanpa permit perjalanan yang sah mengikut s. 6(3) Akta Imigresen 1959/63.

A

> In my opinion, in present case, the respondents, by being present in the Duty Free Zone, had, in law, committed an act of entry as defined in (d) above (ie, "(d) in any other case, any entry into Malaysia by land, sea or air;"). Since they have committed an act of entry but were not in possession of either a permit or a pass, they had committed an offence under s. 6(3).

B

[52] Satu kes baru oleh House of Lords, England, iaitu *R v. Asfaw* [2008] All ER (D) 274 (May), fakta kes ialah perayu dari Ethiopia telah menggunakan document perjalanan palsu untuk mendapat suaka politik di Kanada telah singgah secara transit di
C Lapangan Terbang Heathrow England dalam meneruskan perjalanan ke Amerika Syarikat. Apabila sampai di Lapangan Terbang Heathrow perayu dengan menggunakan pasport palsu telah berjaya masuk ke United Kingdom tanpa di kesan dan dengan bantuan ejen satu dokumen perjalanan palsu iaitu
D menggunakan pasport Italy dan lesen memandu palsu yang lain telah digunakan untuk berlepas ke AS. Apabila pasport tersebut digunakan di tempat pemeriksaan Imigresen untuk berlepas, pegawai Imigresen telah menyedari percubaan itu dan perayu ditangkap sebelum dapat memasuki pesawat ke Washington.
E Perayu telah dituduh dengan s. 1(1), Criminal Attempts Act 1981. Perayu di dalam pembelaanya menyatakan pendakwaan keatasnya adalah bertentangan dengan s. 31 of the Immigration and Asylum Act 1999 yang diterima pakai melalui perkara 31, 1951 Convention and Protocols relating to the Status of Refugees ('Convention').

F

[53] House of Lords telah merujuk keputusan oleh Simon Brown LJ di dalam kes yang bersamaan iaitu kes *R v. Uxbridge Magistrates' Court, ex parte Adimi* [2001] QB 667, [1999] 4 All ER 520, [2000] 3 WLR 434, di mana perayu dikatakan bukan penumpang transit
G apabila telah keluar dari 'airside' kawalan immigresen United Kingdom dan telah memasuki 'landside' apabila melepasi bahagian pemeriksaan immigresen di Lapangan Terbang Heathrow. Untuk perayu menggunapakai perkara 31 Convention, perayu hendaklah sepanjang masa berada di bahagian 'airside' sebelum melepasi
H kawalan imigresen UK.

[54] Simon Brown LJ di dalam memberi keputusannya di ms 687 seperti berikut:

I

> In each case the Applicant applied for judicial review to challenge the decision taken to prosecute him. Each was an asylum seeker. One had travelled to this country on a forged pasport to seek asylum here. The other two were apprehended when in transit for Canada, using forged passports. All three were charged with

possession or use of false passports contrary to s. 5 of the Forgery and Counterfeiting Act. The two who were bound for Canada were also charged with attempting to obtain services by deception contrary to s. 1(1) of the Criminal Attempts Act p. 981. All three alleged that their prosecution was unlawful because it infringed art 31.

I propose to deal with these two Applicants together since both were arrested as **transit passengers** embarking for Canada and, in my judgment, no material distinction can be drawn between them. I use the term **transit passenger** here not in a technical sense to mean only passengers who throughout have remained airside of United Kingdom immigration control (even then, if dicovered with false documents, they will be brought landside for that reason) but rather to mean passengers who have been in the United Kingdom for a limited time only and are on the way to seek asylum elsewhere. I understand the Respondents to argue that such passengers can never be entitled to Article 31 immunity because, having been apprehended whilst attempting to leave the United Kingdom rather than enter it, it follows that they never intended to present themselves, least of all without delay, to the immigration authorities here. Mr Kovats further submits that, having chosen not to claim asylum here despite the United Kingdom clearly being a safe country for the purpose, these passengers will in addition be unable to satisfy the coming directly condition.

Neither of these arguments are in my judgment sustainable. *If I am right in saying that refugees are ordinarily entitled to choose where to claim asylum, and that a short term stopover en route in a country where the traveller status is in no way regularised will not break the requisite directness of flight, then it must follow that these Applicants would have been entitled to the benefit of Article 31 had they reached Canada and made their asylum claims there. If Article 31 would have availed them in Canada, then logically its protection cannot be denied to them here merely because they have been apprehended en route.* (emphasis added).

[55] Untuk kemudahan saya turunkan Per. 31 Convention yang dinyatakan di atas:

Article 31 provides as follows:

Refugees Unlawfully In The Country Of Refuge

1. The contracting states shall not impose penalties, on account of their illegal entry or presence, on refugees who, coming directly from a territory where their life or freedom was threatened in the sense of Article 1, enter or are present in their territory without

A authorisation, provided they present themselves without delay to the authorities and show good cause for their illegal entry or presence.

[56] Secara rumusannya kes House of Lords di atas memberi
B pengertian 'penumpang transit' ialah penumpang yang singgah sementara untuk beberapa jam di lapangan terbang transit untuk ke destinasi sebenar dan penumpang transit itu hendaklah sentiasa berada di bahagian udara 'airside', ditakrifkan juga bahagian 'airside' ialah bahagian sebelum melepasi kawalan pemeriksaan
C immigresen masuk ke negara itu. Penumpang yang telah melepasi kawalan pemeriksaan imigresen dengan mengemukakan pasport dikatakan telah memasukki bahagian daratan 'landside' dan penumpang itu bukannya lagi dianggap penumpang transit dan segala immuniti keistimewaan di dalam Per. 31, Convention, jika
D terdapat penyalahgunaan undang-undang tidak boleh lagi terpakai kepadanya.

[57] Begitulah juga di dalam kes kita pada hari ini tertuduh dengan berada jauh dari Bangunan KLIA dengan menaiki teksi sehingga ke pusat bandaraya Kuala Lumpur bukannya penumpang
E transit dan pembelaan pemakaian s. 26(1) ADB secara analoginya sama dengan kes *R v. Asfaw* untuk menggunapakai Per. 31 Convention.

Penutup

F

[58] Atas alasan-alasan ini mahkamah memutuskan bahawa tertuduh bukanlah penumpang transit walaupun mempunyai pass berlepas ke Singapura dan jumlah dadah yang banyak itu bukannya untuk kegunaan sendiri (*Ong Ah Chuan v. PP* [1981] 1 MLJ 64;
G *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129) ianya adalah bernilai tinggi dan bertujuan untuk mengedarkannya dan anggapan pengedaran dadah gagal disangkal atas imbangan kebarangkalian dan juga gagal menimbulkan sebarang keraguan di dalam kes pendakwaan. Mahkamah telah mendapati tertuduh
H bersalah dan mensabitkan tertuduh. Setelah meneliti mitigasi oleh peguambela dan hujahan keatas hukuman, mahkamah telah menjatuhkan satu-satunya hukuman yang ada iaitu gantung sampai mati.

I